

## **SAPIA (Sijil Asas Pengajian Islam Ar-Raudhah)**

Sijil Asas Pengajian Islam Ar-Raudhah (SAPIA) adalah pengajian Islam separuh masa yang menawarkan modul-modul asas untuk memenuhi keperluan mereka yang tidak berpeluang melalui pembelajaran agama secara formal. Program ini menekankan aspek kefahaman dan penghayatan yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan.

Dengan mengikuti program ini, mereka dapat mengetahui secara menyeluruh dasar-dasar agama dan memahami dengan lebih jelas ajaran-ajaran agama Islam agar dapat mengamalkannya sebaik mungkin dalam kehidupan harian.

### **Syarat Kemasukan**

Program ini dibuka kepada semua yang berusia 16 tahun keatas. Peserta tidak perlu mempunyai latarbelakang pendidikan agama yang formal untuk menyertai program ini.

### **Sistem Pengajian dan Penilaian**

Program akan diadakan secara bermodul selama 1 tahun. Setiap modul mengambil masa selama 6 minggu. Pembelajaran berlansung seminggu sekali dalam masa 2 jam.

Penilaian akan diambil melalui tugasan yang diberi, penyertaan di dalam kelas, dan juga kehadiran.

### **Modul Pengajian**

Program SAPIA mempunyai sebanyak 6 modul pembelajaran, iaitu:

Aqidah, Fiqh Thoharah, Fiqh Solat Lanjutan dan Puasa, Hadith, Tafsir, Tahsinul Quran & Tajwid.

### **Yuran**

Yuran Pendaftaran \$15.00 ( pelajar baru)

Yuran rampaian \$50.00 sekali sahaja dalam setahun. Tidak termasuk nota dan buku.

Yuran bulanan \$65.00 sebulan.

Subsidi \$10.00 bagi pelajar Ar-Raudhah \$55.00

### **Syarat Penganugerahan Sijil Tamat Pengajian**

Sijil penyertaan akan diberikan setelah:

- Tamat kesemua modul dengan menepati 80% kadar kehadiran bagi setiap modul.
- Selesai melunaskan yuran yang telah ditetapkan.

## **SPIA (Sijil Pengajian Islam Ar-Raudhah)**

Sijil Pengajian Islam Ar-Raudhah (SPIA) ditawarkan oleh Jabatan Madrasah Masjid Ar-Raudhah sebagai sebuah pengajian separuh masa madrasah yang merangkumi pelbagai disiplin agama.

Disamping menawarkan pengajian agama yang teras seperti pengajian Tafsir, Hadith dan Fiqh, SPIA juga menawarkan beberapa pengajian yang mempunyai aspek aplikasi dan kefahaman berdasarkan kepada keadaan dan kehidupan semasa seperti Tasawwur Islam, Sejarah Tamadun Islam dan Sejarah Pendidikan Islam. Pengajian ini sesuai untuk peserta yang sudah mengikuti pengajian fardhu 'ain peringkat asas di pelbagai institusi pengajian Islam atau madrasah separuh masa.

### **Syarat Kemasukan**

Peserta yang ingin mengikuti pengajian ke Sijil Pengajian Islam Ar-Raudhah perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- Berusia tidak kurang daripada 16 tahun.
- Berkemampuan membaca Al-Quran dengan baik.
- Berkelulusan di peringkat GCE 'O'
- Telah tamat pengajian Islam secara formal peringkat menengah 4 separuh masa/sepenuh masa atau setaraf dengannya.

### **Sistem Pengajian dan Penilaian**

Setiap modul akan mengambil masa kira-kira 7 sesi pengajian (atau kira-kira 21 jam). Dalam satu semester (4 bulan), peserta boleh menamatkan 2 modul. Peserta yang berjaya untuk setiap modul akan mendapat 3 kredit. Peserta harus menamatkan 12 modul atau mendapat 36 jam kredit untuk berjaya dalam pengajian.

Penilaian dijalankan secara berterusan dan di akhir setiap semester. Tujuan penilaian berterusan ialah untuk membolehkan peserta dan pensyarah menilai kebolehan dan pencapaian seseorang peserta dari masa ke semasa supaya peserta dan pensyarah dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

### **Modul Pengajian**

Program SPIA mempunyai sebanyak 12 modul pembelajaran, iaitu:

Pengantar Ilmu Hadith, Hadith, Bahasa Arab Asas, Aqidah. Fiqh Ibadah, Fiqh Muamalat, Fiqh Munakahat, Tahsinul Quran & Tajwid, Pengantar Ilmu Tafsir, Tafsir, Sirah Nabawiyah, Sejarah Tamadun Islam.

## **Yuran**

Yuran Pendaftaran \$15.00 ( pelajar baru)

Yuran rampaian \$50.00 sekali sahaja dalam setahun. Tidak termasuk nota dan buku.

Yuran bulanan \$75.00 sebulan.

Subsidi \$10.00 bagi pelajar Ar-Raudhah \$65.00

## **Penganugerahan Sijil Tamat Pengajian**

Sijil Pengajian Islam akan dianugerahkan kepada peserta setelah:

- ♣ Tamat kesemua modul dengan menepati 80% kadar kehadiran bagi setiap modul.
- ♣ Selesai melunaskan yuran yang telah ditetapkan.

## DPIA (Diploma Pengajian Islam Ar-Raudhah)

Diploma Pengajian Islam Ar-Raudhah merupakan pengajian separuh masa selama 3 tahun sebagai lanjutan dari SPIA. Peserta dari program Diploma ini berkecukupan meneruskan pengajian Islam mereka ke peringkat Sarjana Muda selepas tamat dan lulus kesemua modul yang ditawarkan. Program ini terbuka kepada kesemua lapisan umur melebihi 18 tahun.

### Syarat Kemasukan

Peserta yang ingin mengikuti pengajian ke Diploma Pengajian Islam Ar-Raudhah perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- Berusia tidak kurang daripada 18 tahun.
- Berkemampuan membaca Al-Quran dengan baik.
- Berkelulusan di peringkat GCE 'O'
- Telah tamat pengajian Islam secara formal peringkat menengah 4 separuh masa/sepenuh masa atau setaraf dengannya.

### Sistem Pengajian dan Penilaian

Setiap modul akan mengambil masa kira-kira 7 sesi pengajian (atau kira-kira 21 jam). Dalam satu semester (4 bulan), peserta boleh menamatkan 2 modul. Peserta yang berjaya untuk setiap modul akan mendapat 3 kredit. Peserta harus menamatkan 18 modul atau mendapat 54 jam kredit untuk berjaya dalam pengajian.

Penilaian dijalankan secara berterusan dan di akhir setiap semester. Tujuan penilaian berterusan ialah untuk membolehkan peserta dan pensyarah menilai kebolehan dan pencapaian seseorang peserta dari masa ke semasa supaya peserta dan pensyarah dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

### Modul Pengajian

Program DPIA mempunyai sebanyak 18 modul pembelajaran, iaitu:

Hadith, Aqidah, Usul Fiqh, Ulum Al-Quran, Maqasid Syariah & Qawaid Fiqhiyyah, Mustholah Hadith, Tafsir Ahkam 1 & 2, Bahasa Arab 1 & 2. Fiqh Kontemporari 1 & 2. Usul Dakwah, Faraid, Sejarah Peundangan Islam, Asas Kaunseling, Tazkiyah Nafs, Fiqh Jenayah.

## **Yuran**

Yuran Pendaftaran \$15.00 ( pelajar baru)

Yuran rampaian \$50.00 sekali sahaja dalam setahun. Tidak termasuk nota dan buku.

Yuran bulanan \$85.00 sebulan.

Subsidi \$10.00 bagi pelajar Ar-Raudhah \$75.00

## **Penganugerahan Sijil Tamat Pengajian**

Sijil Diploma Pengajian Islam akan dianugerahkan kepada peserta setelah:

- ♣ Tamat kesemua modul dengan menepati 80% kadar kehadiran bagi setiap modul.
- ♣ Selesai melunaskan yuran yang telah ditetapkan.